



01 AUG, 2025

## Subsidi telur ayam distruktur semula bermula hari ini

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Subsidi telur ayam distruktur semula bermula hari ini

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan melaksana langkah penstrukturkan semula subsidi telur ayam bermula hari ini sebagai sebahagian daripada pendekatan penyiasaran subsidi secara berfasa secara lebih lestari dan berimpak tinggi.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam kenyataan berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan mengoptimumkan perbelanjaan subsidi di mana penjimatuan dijana akan disalur-

kan semula kepada program ke-sejahteraan rakyat.

“Sebagai inisiatif segera untuk memastikan keterjaminan bekalan dan kestabilan harga telur ayam, pihak industri telah ber-setuju untuk memperkenalkan Telur Gred Khas yang ditawarkan pada harga lebih berpatutan.

“Rakyat juga boleh mendapat telur ayam dengan harga kompetitif melalui program Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah.

“Program jualan itu dilaksanakan secara meluas di seluruh negara termasuk di premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA) dan Lem-baga Pertubuhan Peladang (LPP),” katanya semalam.

Jelas kenyataan itu, kerajaan juga sentiasa komited memastikan rakyat memperoleh akses ke-

pada bekalan makanan asas yang mencukupi dan berkualiti.

“Keputusan itu juga dibuat setelah mengambil kira keyakinan keu-payaan pihak industri dalam me-mastikan pengeluaran telur ayam

yang stabil dan mencukupi.

“Kerajaan telah membela-jakan hampir RM2.5 bilion bagi menampung subsidi ayam antara Februari 2022 hingga Disember 2024,” katanya.



01 AUG, 2025

## Subsidi telur ayam distruktur semula bermula hari ini

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA: Kerajaan melaksana langkah penstrukturkan semula subsidi telur ayam bermula hari ini sebagai sebahagian daripada pendekatan penyasaran subsidi secara berfasa secara lebih lestari dan berimpak tinggi. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam kenyataan berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan mengoptimumkan perbelanjaan subsidi di mana penjimatan dijana akan disalurkan

semula kepada program kesejahteraan rakyat.